

## Paroki diseru lancar 'revolusi keprihatinan' kepada warga tua

**TAKHTA SUCI:** Sri Paus Leo XIV menyeru setiap paroki dan kumpulan atau persatuan Gereja untuk menjadi sebahagian daripada "revolusi" penjagaan dan penghargaan dengan melawat warga tua secara berkala. "Harapan Kristian sentiasa mendesak kita untuk lebih berani, berfikir besar, dan tidak berpuas hati dengan keadaan yang ada," tulis Bapa Suci Leo dalam pesannya untuk Hari Datuk, Nenek dan Warga Tua Sedunia, sebuah perayaan Gereja yang pada tahun ini berlangsung pada Julai 27.

"Dalam hal ini, ia mendesak kita untuk bekerja ke arah perubahan yang dapat mengembalikan penghormatan dan kasih sayang yang berhak diterima oleh golongan tua," tulisnya dalam pesan yang dikeluarkan pada Julai 10.

### **Bantu golongan tua alami pembebasan dari kesepian dan pengabaian.**

Pesan Sri Paus Leo tersebut memperluaskan tema yang dipilih untuk hari dunia tahun ini, yang diambil dari Kitab Sirakh: "Berbahagialah mereka yang tidak kehilangan harapan."

Perayaan Hari Nenek, Datuk dan Warga Tua untuk tahun 2025 merupakan edisi kelima dan pesan pertama Bapa Suci Leo untuk hari tersebut.

Sri Paus Fransiskus telah menginstitusikan hari dunia ini pada tahun 2021; ia disambut setiap tahun pada hari Minggu keempat bulan Julai, beberapa hari sebelum peringatan liturgi Sto Yuakim dan Anna, datuk dan nenek kepada Yesus.

Dalam pesannya untuk sambutan tahun ini, Sri Paus Leo berkata Tahun Jubli, yang merupakan masa pembebasan daripada ketidakadilan dan ketidakaksamaan, ialah masa yang sesuai untuk semua orang beriman membantu orang-orang tua "mengalami pembebasan, terutama dari kesepian dan pengabaian."

Untuk membantu semua orang menyertai Tahun Suci, terutamanya mereka yang tidak dapat melakukan ziarah ke Roma secara fizikal, Dikasteri untuk Rasul Awam, Keluarga dan Kehidupan telah mencipta kit pastoral dengan cadangan untuk mengadakan sambutan Jubli di tempat tinggal orang tua.

"Rahmat Jubli adalah untuk semua orang!" tulis dikasteri itu, menyatakan bahawa kit dan sumber lain boleh didapati di [www.laityfamilylife.va](http://www.laityfamilylife.va).

"Masalah masyarakat kita, di mana-mana sahaja di dunia, semakin terbiasa membiarkan bahagian penting dan memperkaya kehidupan mereka ini dipinggirkan dan dilupakan," tulis Sri Paus Leo, merujuk kepada golongan warga emas.

"Memandangkan situasi ini, perubahan rentak diperlukan iaitu semua Gereja perlu mengambil tanggungjawab," tulisnya.



Media Vatikan

### **Lawatan berkala kepada warga tua**

"Setiap paroki, persatuan dan kumpulan Gereja dipanggil untuk menjadi protagonis dalam 'revolusi' rasa syukur dan penjagaan, yang tercetus atau diwujudkan melalui lawatan berkala kepada warga emas, mencipta rangkaian sokongan dan doa untuk mereka dan menemani mereka, serta pembentukan hubungan yang dapat mengembalikan harapan dan maruah kepada mereka yang merasa dilupakan," tulisnya.

"Inilah sebabnya Sri Paus Fransiskus mahu Hari Sedunia Datuk, Nenek, dan Warga Tua dirayakan khususnya melalui usaha untuk mencari orang tua yang hidup sendirian," tulis Sri Paus Leo.

"Oleh sebab itu, mereka yang tidak dapat datang ke Roma untuk ziarah pada Tahun Suci ini boleh memperoleh indulgensi Jubli jika mereka melawat, untuk tempoh yang sesuai, orang-orang tua yang tinggal sendirian... dalam erti kata tertentu, ziarah kepada Kristus yang hadir dalam diri mereka."

Gereja menggambarkan indulgensi sebagai penghapusan hukuman sementara yang dikenakan ke atas seseorang kerana dosa-dosanya.

Para penziarah dapat menerima indulgensi khas semasa Tahun Suci dengan melawat salah satu daripada empat basilika kepausan di Rom atau tapak-tapak lain yang ditetapkan serta mengambil bahagian dalam doa, perayaan liturgi atau sakramen pengakuan dosa.

### **Melawat orang tua, melawat Yesus**

Bapa Suci Leo menulis bahawa "melawat orang tua adalah cara untuk bertemu dengan Yesus, yang membebaskan kita daripada ketidakpedulian dan kesunyian."

"Memeluk orang tua membantu kita memahami bahawa

hidup lebih daripada sekadar saat ini, dan tidak seharusnya dibazirkan dalam pertemuan acuh tak acuh dan hubungan yang sementara," katanya dalam pesannya.

"Orang tua yang lemah memerlukan kekuatan orang muda, sama seperti orang muda memerlukan kesaksian, nasihat dan pedoman daripada orang-orang tua untuk membina masa depan dengan kebijaksanaan," tegas Bapa Suci.

Datuk, Nenek dan warga tua menawarkan contoh "iman dan pengabdian, budi pekerti dan komitmen sosial, ingatan dan ketabahan di tengah-tengah ujian," tulisnya.

"Warisan berharga yang mereka turunkan kepada kita dengan harapan dan kasih sayang, akan sentiasa menjadi sumber kesyukuran dan panggilan untuk ketabahan."

### **Menjadi tanda iman dan harapan yang bersinar**

Bercakap sebagai orang yang lebih tua, Sri Paus Leo XIV, yang akan berumur 70 tahun pada bulan September, menulis, "Kita memiliki kebebasan yang tidak dapat dirampas oleh kesukaran: kita diberikan kebebasan untuk mencintai dan berdoa, dan untuk berada di samping mereka yang memerlukan adalah tanda iman dan harapan yang bersinar."

"Marilah kita dengan penuh kasih menyampaikan iman yang telah kita jalani selama bertahun-tahun, dalam keluarga kita dan dalam pertemuan harian kita dengan orang lain," tulisnya.

"Semoga kita sentiasa memuji Tuhan atas kebaikannya, memupuk perpaduan dengan orang tersayang, membuka hati kita kepada mereka yang jauh dan, khususnya, kepada semua yang memerlukan."

"Dalam cara ini, kita akan menjadi tanda harapan, tidak kira usia kita," tulisnya. CNA

Bayangkan anda dilahirkan buta dan hidup hingga dewasa tanpa pernah melihat cahaya dan warna.

Kemudian, melalui satu pembedahan yang ajaib, doktor dapat memulihkan penglihatan anda. Apakah yang akan anda rasa sebaik sahaja membuka mata? Keajaiban? Kekeliruan? Kegembiraan? Kesakitan? Gabungan semua ini?

Berdasarkan laporan, kita tahu jawapan kepada soalan itu. Pembedahan memulihkan penglihatan sekarang ini semakin moden dan kini kita mempunyai beberapa petunjuk tentang bagaimana seseorang yang buta sejak lahir, bertindak balas apabila membuka mata selepas pembedahan dan melihat cahaya serta warna buat kali pertama.

Apa yang berlaku mungkin mengejutkan kita. Menurut J. Z. Young, seorang pakar fungsi otak, sebenarnya pesakit yang membuka mata dan melihat pertama kali, amat payah atau tiada keseronokan; dalam kata lain, pesakit mungkin mengalami pengalaman itu menyakitkan.

J. Z. Young mengatakan, orang buta yang baharu membuka matanya selepas matanya dibedah, hanya melihat jisim cahaya dan warna yang berputar. Dia tidak dapat memahami objek dengan penglihatan, mengenali apa itu, atau menamakannya.

Dia tidak mempunyai konsep ruang dengan objek di dalamnya, walaupun dia tahu semua tentang objek dan nama-nama mereka melalui sentuhan.

Mungkin kita akan berkata, proses melihat dan mengenal objek pasti mengambil sedikit masa.

Sesungguhnya, proses itu bukan mengambil sedikit masa, tetapi masa yang sangat lama malah boleh mengambil masa bertahun-tahun. Ini adalah kerana, otak orang buta sejak lahir tidak terlatih dalam peraturan melihat.

Kita tidak sadar proses penyembuhan itu; kita berfikir dari sudut pandang kita yang lahir celik bahawa orang buta yang dapat melihat semula, pasti dapat melihat secara semula jadi.

Bagi yang tidak buta, kita sebenarnya dipengaruhi dengan satu set peraturan semasa zaman kanak-kanak. (Lihat: *Emilie Griffin, Souls in Full Flight, ms. 143-144*)

Adakah kisah orang buta yang dapat melihat boleh menjadi analogi yang berguna, yang dapat menggambarkan apa yang berlaku kepada kita tentang apa yang dipanggil api pe-

# Kemunculan cinta, cahaya dalam api penyucian



nyucian (*purgatory*) oleh Katolik Roma?

Bolehkah api penyucian difahami dengan menggunakan analogi orang buta yang sembuh itu? Bolehkah analogi itu membuka visi dan hati kita kepada cahaya dan cinta yang begitu penuh sehingga mendorong kita untuk belajar semula dan membetulkan konsep?

Bolehkah *purgatory* difahami sebagai tempat di mana Tuhan memeluk kita dengan erat, sehingga kita merasakan kehangatan dan cahaya yang sangat menghiburkan.

Seperti orang dilahirkan buta dan diberikan penglihatan, kita perlu bergelut dengan pelbagai perkara menyakitkan dalam ekstasi cahaya itu demi menyesuaikan diri dengan cara berfikir dan mencintai yang jauh lebih mendalam.

Bolehkah *purgatory* terus difahami sebagai bukan ketiadaan Tuhan atau sebagai sejenis hukuman atau balasan untuk dosa, tetapi sebagai apa yang berlaku kepada kita apabila kita akhirnya dipeluk sepenuhnya, dalam ekstasi, oleh Tuhan, cinta yang sempurna dan kebenaran yang sempurna?

Sesungguhnya, bukankah ini yang cuba dibawa oleh iman, harapan, dan amal, tiga kebajikan teologi, kepada kita dalam kehidupan ini?

Bukankah iman adalah pengetahuan yang melampaui apa yang dapat kita konseptualisasikan?

Bukankah harapan adalah mengikat diri kita pada sesuatu yang berada di luar apa yang kita boleh kawal dan jamin untuk diri kita sendiri?

Dan bukankah amal itu satu usaha untuk mencapai sesuatu yang tidak secara semula jadi datang kepada kita?

Sto Paulus, dalam menggambarkan keadaan kita di bumi, menjelaskan bahawa dalam kehidupan ini kita hanya melihat perkara-perkara kerohanian “melalui cermin yang memantulkan cahaya samar” tetapi selepas mati kita akan melihat secara “bersemuka”.

Jelas sekali dalam menggambarkan keadaan kita sekarang di bumi, kita menghidap sebuah kebutaan, kegelapan kongenital, ketidakmampuan untuk benar-benar melihat perkara seperti mana adanya.

Adalah penting untuk diperhatikan kata-kata Sto Paulus berlatarbelakangkan konteks di mana dalam kehidupan ini, iman, harapan, dan amal membantu mengusir kegelapan itu.

Sudah tentu, perkara ini mungkin hanya akan mengejutkan kepada Protestan dan Katolik Roma sahaja.

Ramai Protestan dan Evangelis menolak konsep *purgatory* atas alasan bahawa, menurut Alkitab, hanya ada dua tempat kekal iaitu syurga dan neraka.

Sebaliknya, ramai penganut Katolik Roma menjadi cemas apabila konsep api penyucian kelihatan menyimpang dari konsep popularnya sebagai tempat atau keadaan yang berasingan dari syurga.

Tetapi dengan memahami seperti kisah seorang buta dari kecil yang kini sembuh, ketika dia membuka matanya dengan penuh kesukaran, namun dia akhirnya belajar mengenal objek biarpun payah.

Mungkin konsep api penyucian sebagai tempat pengampunan, bukan tempat terasing, lebih diterima oleh Protestan dan Evangelis serta membantu membetulkan beberapa konotasi popular yang salah dalam kesalehan Katolik Roma.

Penyucian sejati hanya dapat terjadi melalui cinta kerana hanya apabila kita merasakan pelukan cinta yang sebenar, kita dapat melihat dosa kita dengan jelas dan dikuatkan dengan rahmat untuk mengharunginya.

Hanya cahaya Kristus yang dapat mengusir kegelapan, dan hanya cinta yang menghalau dosa.

Therese dari Lisieux adakalanya berdoa kepada Tuhan seperti berikut, “Hukumilah aku dengan sebuah ciuman!”

Pelukan cinta sepenuh hati adalah satu-satunya penyucian yang mungkin untuk dosa kerana hanya apabila kita dipeluk oleh cinta barulah kita benar-benar memahami apa itu dosa dan ketika itu, barulah kita diberikan keinginan, visi, dan kekuatan untuk hidup dalam cinta dan kebenaran.

Tetapi kemunculan cinta dan cahaya itu mungkin pada masa yang sama, menggembirakan dan membingungkan, menggembirakan dan meresahkan, menakutkan dan menyakitkan, euforia dan menyakitkan – tidak kurang dari *purgatory*.

**Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

## Biasakan hatimu berdoa

Dalam Injil Lukas hari ini, ia mengisahkan tentang doa. Doa itu terdapat tiga bahagian:

1. Tentang doa bersama: Bapa kami Luk 11:1-4).
2. Tentang ketekunan dalam berdoa (Luk 11: 5-6).
3. Tentang keberhasilan doa (Luk 11: 9-13).

Para murid bertanya tentang doa secara tekun dan sepenuhnya kepada Tuhan. Yesus menunjukkan suatu teladan doa bersama (komunal) Kristian sejati.

Tuhan adalah sungguh seorang Bapa, yang memperhatikan dan memberikan apa yang diperlukan untuk hidup (ay.3), memberi pengampunan (ay.4) dan juga memberi pembebasan dari yang jahat (ay.4).

*Doa bersama:* Para murid mengingatkan peranan mereka sebagai murid-Nya, bukan hanya sebagai peribadi/individu, jadi ikut bertanggungjawab satu sama lain.

Doa itu adalah suatu doa apostolik/rasuli, kerana itu bukan menyapa Tuhan sebagai “aku” melainkan sebagai “kami”, yang sadar akan kepentingan sesama.

Disedarkan akan tanggungjawab, subsidiari, hubungan/relasi sebagai saudara

satu sama lain tak mungkin kita dapat berdoa dengan sesungguhnya, apabila kita hanya berdoa bagi keperluan kita sendiri.

Bererti “Kerajaan Tuhan” belum juga datang! Rezeki atau roti yang kita mohon kepada Tuhan bukan hanya untuk hari ini, melainkan juga untuk esok, masa depan, dan untuk kita semua sebagai komuniti!

Kita mohon agar dosa-dosa kita diampuni, tetapi kita juga harus bersedia memaafkan orang lain.

Lukas juga mahu menunjukkan bukan hanya kesalahan moral, melainkan juga kesalahan atau kekurangan material. Itu bererti kita harus bersedia untuk tidak terus menagih hutang sesama kita yang

memang tak mampu.

Demikianlah doa “Bapa Kami” adalah doa kita sebagai “orang miskin” di hadapan Tuhan, miskin akan iman, akan harapan, akan kasih.

“Bapa kami” ini kiranya bagi kita adalah doa pertama yang harus kita pelajari, kita fahami dan kita hayati selalu, tetapi juga...doa terakhir yang harus kita ucapkan sebelum kita dipanggil Tuhan!

*Kepastian belaskasih Tuhan:* Perumpamaan tentang seorang yang datang pada waktu malam dan minta bantuan kepada temannya, yang dipakai Yesus untuk menerangkan ciri doa sejati, hanya terdapat dalam Injil Lukas.

Si teman mungkin menolak permintaan



## HARI MINGGU BIASA KE-17

KEJADIAN 18:20-32

KOLOSE 2:12-14

INJIL LUKAS 11:1-13

itu dengan alasan-alasan, yang lazim di kalangan masyarakat, namun akhirnya dia mahu menolongnya juga.

Apabila manusia mahu berbuat demikian, maka apalagi Tuhan sendiri Bapa kita di syurga pasti akan mengabulkan doa kita! Ketekunan membawa kepastian!

Dengan demikian terbukti, bahawa keberhasilan doa kita bukan tergantung daripada kemampuan kita dalam menyunnnya, sedikit atau banyak, sebentar mahupun panjang, melainkan berandal sepenuhnya kepada kebaikan dan belaskasih Tuhan sebagai Bapa.

Tetapi belaskasih Tuhan hanya dapat kita terima, apabila kita sungguh sadar akan kemiskinan kita untuk hidup dan berbuat sebagai putera-puteri Tuhan Bapa sejati, seperti dilaksanakan oleh Yesus, Saudara kita. **Msgr FX Hadisumarta O.Carm**



MIRI: Para pemimpin dari Caritas Malaysia berhimpun di Miri, Sarawak dari Jun 20 hingga Julai 3 untuk program Pembangunan Kepimpinan yang transformatif. Dengan tema, *"The Caritas Way: United in Mission, Rooted in Love"* program dalam bentuk retret ini memupuk hubungan yang lebih mendalam, visi strategik dan komitmen yang diperbaharui terhadap misi sosial Gereja.

Program selama empat hari, yang dianjurkan oleh Caritas Miri di Seminari St Francis of Assisi dan Gereja St Dominic & the Rosary.

Retret ini diisi dengan sesi doa, refleksi teologi dan latihan praktikal, yang direka untuk menyelaraskan semula ahli Caritas di seluruh Malaysia dalam misi bersama mereka.

Retret dimulakan dengan sesi yang dikendalikan oleh Alfred Netto dan Helena Michael. Sesi itu meneroka pengaruh kuat persepsi, menekankan bagaimana pengalaman individu kita

# Jangan bawa apa-apa!

membentuk pemahaman kita tentang dunia.

Hari kedua dimulakan dengan Misa yang dipimpin oleh Uskup Richard Ng di Kapel Seminari St Francis.

Ini diikuti dengan sesi bersama Alfred dan Fr Fabian Dicom *"Where Are We Now? + Caritas Malaysia's 10-Year Vision."*

Fr Fabian mengimbas sejarah Caritas Malaysia, yang ditubuhkan oleh Konferensi para Uskup pada awal tahun 2020 sebagai badan induk untuk organisasi amal dan pembangunan Katolik di Malaysia.

Fr Fabian menekankan keperluan kritikal bagi Caritas untuk "berakar dalam Yesus," agar usahanya tidak goyah.

Antara prinsip utama Caritas yang beliau tekankan adalah prin-

sip subsidiari, yang memupuk kepercayaan dalam kalangan anggota dari peringkat keuskupan sehinggalah KED/KKD.

## Jangan bawa apa-apa

Pada hari ketiga, antara aktiviti yang dilakukan ialah "Lawatan Imersif Komuniti," yang dianjurkan oleh Caritas Miri.

Peserta dibahagikan kepada kumpulan, melawat keluarga yang memerlukan. Sebelum lawatan, Fr Sylvester Ngau terlebih dahulu memberikan penjelasan tentang amalan "tidak membawa apa-apa" seperti arahan Yesus kepada para murid-Nya untuk membawa sandal dan tongkat, menekankan keperluan untuk bertemu dengan orang lain tanpa berpura-pura.

Lawatan itu, biarpun tidak membawa apa-apa barangan

bantuan atau hadiah dan hanya mendengar serta berbual dengan komuniti yang dilawati, terbukti menjadi pengalaman yang sangat menyentuh hati bagi semua.

Hari ketiga berakhir dengan majlis persaudaraan di Seminari St Francis.

Hari terakhir dirayakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Sylvester Ngau. Dalam homilinya, Fr Sylvester merujuk kepada kata "keraguan".

Dalam kerja-kerja Caritas, keraguan mungkin timbul; adakah akan ada cukup sukarelawan? Adakah kita mempunyai cukup wang? Adakah komuniti akan menyokong projek ini?"

Dalam hal ini, paderi itu menekankan dengan bergantungan kepada Tuhan penyelenggaraan Tuhan membolehkan kita mengatasi

halangan-halangan ini.

## Elak mentaliti 'penyelamat'

Selepas Misa Kudus pagi, Fr Fabian memimpin sesi mengenai metodologi "Lihat, Hakim, Bertindak", alat penting untuk pertimbangan komuniti.

Beliau mendedahkan bahawa rancangan asal untuk lawatan imersi termasuk mengagihkan bakul makanan, tetapi ia telah ditukar kepada pendekatan "jangan membawa apa-apa" oleh pasukan Caritas Miri.

Fr Sylvester bagi pihak Caritas Miri, menjelaskan setiap kali membuat lawatan, kita mempunyai mentaliti "penyelamat" dan membawa barangan yang kita fikir orang lain perlukan, bukannya bertemu dan mendengar masalah mereka.

Program Pembangunan Kepimpinan Caritas Malaysia ditutup dengan makan tengah hari terakhir dan doa penutup oleh Fr Frederick Joseph.



## Ziarah Neocatechumenate Way ke Oratori St Teresa

SIBU: Pada petang Julai 5, di Oratori St Teresa, salah satu pusat ziarah di Keuskupan Sibu, telah menerima lebih 130 penziarah yang diiringi pembantu paderi paroki, Fr James Ting dari Gereja St Anthony, Sarikei.

Ketibaan mereka disambut oleh ahli-ahli komuniti Sibu *Neocatechumenate Way* dan Fr Edward Raymond, seorang paderi *Neocatechumenate Way*.

Para penziarah diberikan penerangan tentang sejarah Oratori diikuti dengan penjelasan terperinci mengenai lukisan ikon dengan teknik *fresco* bertajuk "Penyaliban" Lukisan ikon itu dilukis oleh pengasas *Neo Catechumenal Way*, Kiko Arguello yang menggambarkan beberapa perkara seperti berikut:

- Yesus Kristus memikul dosa dunia, mengampuni para pendosa dan memberikan mereka Roh Kudus.

- Salib adalah pokok kehidupan yang ditanam di Kalvari. Di atasnya, Kristus memenuhi kata-kata Injil: "Anak Manusia tidak mempunyai tempat untuk meletakkan kepalanya".

Dia meletakkan kepalanya di atas salib, dalam kehendak Bapanya. Tangan terbuka-Nya adalah tanda penyerahan total-Nya kepada Tuhan.

- Maria dan Yohanes berada di kaki salib. Kristus berpaling kepada Maria dan berkata kepadanya, "Wahai wanita, inilah anakmu." Kepada murid itu dia berkata, "Inilah ibumu."

- Kaki salib itu terletak di atas sebuah gua gelap di mana kepala Adam terletak.

Selepas itu, para penziarah mengikuti Adorasi yang dipimpin oleh Fr Edward disusuli doa rosari dan doa Kerahiman Ilahi.

## Pesta KAGAPA di Air Itam, P. Pinang

PULAU PINANG: Pada Jun 21, lebih daripada 500 umat telah menghadiri Misa Kudus Kesyukuran — Kaamatan, Gawai dan Panen (KAGAPA) di Gereja Katolik *Risen Christ*, Air Itam dengan membawa tema "Merayakan Harapan Tuhan Melalui Budaya dan Tradisi".

Perayaan bermula dengan sesi 'mengetam padi' dan 'memalugong' sebagai tanda perasmian perayaan KAGAPA oleh paderi paroki, Friar Esmond Chua OFM.

Di dalam homilinya, Friar Esmond menjelaskan bahawa, selain merayakan hasil tuaian dengan penuh syukur kepada Tuhan, kita sebagai umat Katolik juga turut merayakan Ekaristi sebagai "makanan rohani" yang memberikan hidup sejati kepada umat-Nya.



Beliau juga sangat teruja dengan kehadiran umat pada hari tersebut yang sangat ramai daripada kebiasaannya.

Selesai Misa Kudus, umat dijemput untuk makan bersama di dewan, menyaksikan acara-acara

pentas seperti cabutan tiket bebutaian serta persembahan kebudayaan sambil menikmati pelbagai variasi juadah Borneo serta tempatan yang telah disediakan khas oleh ahli-ahli *Apostolate Bahasa Malaysia Risen Christ*.



## Setiap pemberian yang baik datangnya dari atas

LAHAD DATU: Gereja Katolik merayakan pesta Menuai (Kaamatan) kerana ia mengingatkan kita bahawa segala berkat berasal dari Tuhan. Gereja St Dominic merayakan pesta Kaamatan dan Gawai pada Jun 15-16 lalu.

Paderi paroki, Fr Stanley William Matakim mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama dari pihak penganjur dan juga semua umat Katolik termasuk stasi luar yang bertungkus lumus dalam menjayakan

Pesta Kaamatan dan Gawai Peringkat St Dominic bagi tahun 2025.

Pelbagai kegiatan telah dijalankan dalam perayaan ini termasuklah Sukan tradisi dan pembukaan gerai jualan makanan.

"Setiap pemberian yang baik dan setiap anugerah yang sempurna datangnya dari atas, diturunkan dari Bapa segala terang; pada-Nya tidak ada perubahan atau bayangan kerana pertukaran." Yakobus 1:171

# Sahabat kecil Yesus

Lengkapkan doa Bapa Kami di bawah. Mohon bantuan ibu bapa jika adik-adik tidak pasti jawapannya.

Pilih jawapan yang betul pada tempat kosong di bawah

♥ DOA BAPA KAMI ♥

Bapa kami yang ada di \_\_\_\_\_  
 Dimuliakanlah nama-Mu.  
 Datanglah \_\_\_\_\_  
 Jadilah kehendak-Mu \_\_\_\_\_ bumi seperti di dalam syurga.  
 Berilah kami \_\_\_\_\_ pada hari ini,  
 dan ampunilah \_\_\_\_\_ kami, seperti kami pun mengampuni yang \_\_\_\_\_ kepada kami.  
 Dan janganlah masukkan kami ke dalam \_\_\_\_\_ tetapi bebaskanlah kami dari yang \_\_\_\_\_  
 Amin.

Kamu telah \_\_\_\_\_  
 Kristus Yesus, Tuhan kita.  
 Kerana itu hendaklah hidupmu \_\_\_\_\_ di dalam Dia.  
 Hendaklah kamu \_\_\_\_\_ di dalam Dia dan \_\_\_\_\_ di atas Dia, hendaklah kamu bertambah \_\_\_\_\_ dalam \_\_\_\_\_ yang telah diajarkan kepadamu, dan hendaklah hatimu \_\_\_\_\_ dengan syukur.  
 (Kolose 2: 6-7)

*Kesalahan kerajaan-Mu percubaan di atas bersalah jahat rezeki syurga*

iman teguh tetap berakar melimpah menerima dibangun

Mari Mewarna

Anak-anak yang sangat antie kasihi,

Dalam pembacaan Injil pada hari Minggu ini, para murid meminta Yesus mengajar mereka bagaimana untuk berdoa, jadi Dia mengajar mereka "Bapa Kami."

Dalam bahagian pertama doa "Bapa Kami", kita memuliakan Tuhan dengan memuji-Nya manakala dalam bahagian kedua kita meminta-Nya untuk perkara-perkara yang kita perlukan.

Pertama, kita meminta rezeki yang boleh merujuk kepada permintaan untuk perkara-perkara seperti makanan yang diperlukan oleh tubuh kita dan juga perkara-perkara rohani, terutamanya



Komuni Suci.

Seterusnya, kita meminta pengampunan atas dosa-dosa kita agar Tuhan menjauhkan kita daripada godaan dan kejahatan.

Yesus berkata bahawa jika seorang bapa di bumi akan memberikan kepada anak-anaknya apatah lagi mereka yang sangat memerlukan.

Tuhan, yang merupakan Bapa kita di Syurga, pasti akan memberikan kepada kita apa yang kita perlukan. Oleh sebab itu adik-adik, marilah kita menunjukkan rasa percaya dan kasih kita kepada Bapa dengan meminta atau berdoa kepada-Nya.

Salam Sayang Antie Melly





# BELIA

## Harapan belia untuk membentuk dunia yang lebih baik

BANGKOK: Musim kedua *MISSION POSSIBLE Youth Social Hackathon* berakhir pada hari Ahad, Julai 13, dengan pembentangan yang berkuasa, mentor yang berbangga, dan rasa harapan yang diperbaharui dalam kemampuan golongan muda untuk membentuk dunia yang lebih baik.

Diadakan di Pusat Latihan Pastoral Baan Phu Waan, program ini dianjurkan bersama oleh Majlis Pendidikan Katolik Thailand (CECT) dan *LiCAS News*. Ia meng-

himpunkan pelajar berumur 13–19 tahun dari 12 sekolah Katolik di seluruh Thailand.

Berpandukan seruan sinodal Gereja untuk “berjalan bersama,” para peserta menangani beberapa isu paling mendesak dalam masyarakat Thailand dan seterusnya — daripada buruh migran dan perubahan iklim hingga dinamika keluarga dan penggunaan teknologi.

Walaupun kebanyakan pelajar adalah penganut Buddha, mereka menerima semangat sinodal ker-



jasama dan mendengar antara satu sama lain. Setiap pasukan menghabiskan hujung minggu terlibat dalam sesi “hacking” intensif, dibantu oleh mentor dan jurulatih terkemuka dalam industri.

Selama dua hari, para pelajar menerima inspirasi daripada mentor berpengalaman yang berkongsi pengalaman, cabaran, dan rahsia kejayaan mereka dalam bidang yang pelbagai sep-

erti perubahan alam sekitar dan keusahawanan sosial peringkat kebangsaan.

Pada hari terakhir, para pelajar membentangkan projek mereka dalam pembentangan “mic-off” selama lima minit.

Dengan peruntukan dana hampir US\$10,000, pasukan-pasukan tersebut mempamerkan penyelesaian yang direka bukan untuk keuntungan, tetapi untuk kebai-

kan bersama — menawarkan alat sebenar untuk transformasi sosial dalam komuniti mereka.

Kardinal Francis Xavier Kriengsak Kovithavanij, mantan Uskup Agung Bangkok, memimpin Liturgi Sabda pada hari terakhir, menggesa golongan muda untuk menjadi “garam bumi dan cahaya dunia,” memelihara apa yang baik dan menerangi jalan ke hadapan untuk orang lain. **LiCAS NEWS**



## Kaum muda menghidupi perayaan adat di OMPH



IPOH: Belia Katolik di Gereja *Our Mother of Perpetual Help* (OMPH) dipuji kerana berjaya menganjurkan pesta Kaamatan, Gawai dan Panen 2025 (KAGAPE 2025), sebuah perayaan budaya dan kesyukuran yang diraikan di Malaysia Timur.

KAGAPE diraikan untuk merayakan perayaan meriah kepelbagaian budaya Malaysia yang kaya dan pengingat

menggemirakan bahawa walaupun kita datang dari latar belakang yang berbeza, kita adalah satu dalam iman.

Dengan kerjasama pelajar Katolik dari ILKMM Ipoh (Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia) dan pelajar muzik dari IPG Ipoh (Institut Pendidikan Guru), KAGAPE 2025 di OMPH telah mengumpulkan penari, ahli koir, dan pemuzik berbakat.

“Melihat semua orang bersatu dengan penuh semangat dalam masa yang singkat benar-benar menyentuh hati,” kata Juliet, ketua belia OMPH.

“Dedikasi penari, koir, dan pemuzik dari kedua-dua institusi pengajian menunjukkan betapa kuatnya iman kita apabila kita bekerjasama.”

Tema, “Perpaduan dalam kepelbagaian” sangat sejajar dengan upacara perarakan se-

hinggalah setiap elemen Misa mencerminkan keindahan pelbagai budaya Malaysia.

“Salah satu sorotan utama KAGAPE 2025 adalah penggunaan pelbagai bahasa semasa liturgi. Misa tersebut menggabungkan bahasa Melayu, Iban, Kadazan, dan Inggeris, melambangkan pelbagai etnik dalam komuniti tersebut.”

“Kami ingin menunjukkan bahawa walaupun kami ber-

cakap dalam bahasa yang berbeza, kami semua menyembah Bapa Syurgawi yang sama yang telah memberkati kami dengan melimpah ruah sepanjang masa,” jelas Juliet.

“Rasa seperti kembali ke Sabah. Muzik, kostum, bahasa dan segala-galanya membuatkan saya berasa sangat dialu-alukan dan diingati,” kata seorang umat yang datang ke perayaan itu.

## Berita singkat antarabangsa

### Gereja sambut baik RUU lindungi Kitab Suci

PUNJAB, India: Pemimpin Gereja telah menyambut baik undang-undang yang dicadangkan bagi menetapkan hukuman berat perbuatan penghinaan kitab suci di negeri Punjab yang didominasi penganut Sikh, di utara India.

Rang Undang-Undang (RUU) Pencegahan Kesalahan Terhadap Kitab Suci Punjab, 2025, yang merupakan yang pertama seumpamanya di negara ini, telah dibentangkan di dewan perundangan negeri pada Julai 14, selepas diluluskan dalam

mesyuarat majlis menteri yang dipengerusikan oleh ketua menteri Punjab, Bhagwant Mann.

"RUU yang dicadangkan ini datang pada waktu yang tepat, kerana beberapa kes yang melibatkan penghinaan terhadap kitab suci agama telah dilaporkan kebelakangan ini," kata Fr Daniel Gill, vikaris jeneral keuskupan Jalandhar.

Beliau berharap RUU itu akan segera diluluskan di dewan undangan negeri dan membantu kerajaan untuk mengawal insiden penghinaan. **Ucanews.com**

### Kristian, Islam rai perayaan Maria

LABUAN BAJO: Dari Julai 9 hingga Ogos 14, rakyat Indonesia di Pulau Flores meraikan festival keagamaan yang didedikasikan kepada Perawan Maria.

Ratusan umat Islam dan Kristian berkumpul untuk mengambil bahagian dalam perarakan dan doa sambil mengusung patung Maria untuk melancarkan festival yang dikenali sebagai *Golo Koe* di Paroki Sto Martin di Bari, Flores.

Acara selama lima minggu itu di 26 paroki di seluruh Keuskupan Labuan Bajo.

Tradisional Manggarai — tarian, lagu, dan ritual merasmikan prosesi tersebut, manakala penduduk kampung Islam, yang berpakaian tradisional, juga turut serta.

Mereka kemudian berbaris di sepanjang jalan dengan buih untuk menyambut patung Maria, yang digambarkan sebagai "saksi kuat perpaduan antara agama."

Uskup Maksimus Regus yang memimpin Misa pembukaan mengatakan Maria ialah ratu perpaduan dan damai.

Katanya, "penglibatan saudara-saudari Muslim semasa acara itu mencerminkan semangat inklusif ini."

Pada Ogos 14 nanti, acara tersebut akan diakhiri dengan perarakan besar dari *Waterfront City* ke Bukit *Golo Koe*, yang merupakan kemuncak spiritual dan budaya bagi festival Marian. **LICAS News**

### Gereja Anglikan mohon gali semula kepala Sto Thomas More

CANTERBURY, England: Gereja Anglikan di mana anak perempuan Sto Thomas More dikebumikan bersama kepala bapanya berhasrat untuk menggali semula jenazahnya dan meletakkannya di sebuah *shrine* menjelang ulang tahun ke-500 kemartiran-nya, kata seorang pastor Anglikan.

Majlis Pastoral Gereja (PCC) di Gereja Sto Dunstan di Canterbury, England, membacakan kenyataan itu semasa ibadat mereka.

"Apa yang telah dipersetujui oleh PCC, tertakluk kepada semua kebenaran yang diperlukan iaitu permohonan untuk meng-

gali dan memelihara reliq orang kudus itu, yang akan mengambil masa beberapa tahun untuk mengering dan menstabilkannya," kata kenyataan itu.

"Kita boleh letakkannya semula di dalam peti besi dan meletakkan reliq di sebuah *shrine* atau di tiang batu yang diukir di kapel Roper, yang sebenarnya merupakan permintaan ramai pengunjung."

Jika diluluskan, Gereja Anglikan bercadang untuk membina *shrine* tersebut menjelang tahun 2035, sempena ulang tahun ke-500 kemartiran Sto Thomas More. **Aleteia**

### Ziarah belia pelbagai agama promosi keamanan di Semenanjung Korea

SEOUL: Peserta ziarah keamanan pelbagai agama yang diketuai oleh Gereja Katolik yang diadakan di zon demiliterisasi (DMZ) antara Korea Selatan dan Utara telah mengulangi keperluan untuk keamanan dan solidariti antara kedua-dua negara.

Kira-kira 40 peserta mengambil bahagian dalam "2025 *Wind of Peace: DMZ World Youth Peace Pilgrimage*," yang diadakan dari Julai 10 hingga 13, kata Keuskupan Agung Seoul dalam kenyataan akhbar, Julai 15.

"Tidak ada keamanan dunia tanpa keamanan di Semenanjung Korea," kata mereka dalam

kenyataan bersama.

Oh Hye-in, 19, seorang bukan Katolik dan peserta termuda dalam kumpulan itu, berkata: "Saya benar-benar merasakan bahawa Korea Utara dan Korea Selatan tidak dapat dipisahkan."

Dia menyertai acara tersebut atas cadangan rakan Katoliknya dan berasa emosi selepas melihat Korea Utara dari Menara Penyatuan Odusan.

Para penziarah turut mendoakan "Doa untuk Keamanan" Sto Francis dari Assisi, berdoa keamanan di Semenanjung Korea, kata Keuskupan Agung Seoul. **LICAS News**

# AI harus ditadbir urus untuk kesejahteraan manusia

GENEVA: Bapa Suci Leo XIV mengesakan pemimpin dunia dan pakar untuk menubuhkan rangkaian bagi tadbir urus Kecerdasan Buatan (AI) dan untuk mencari kejelasan etika mengenai penggunaannya.

AI "memerlukan pengurusan etika yang betul dan rangka kerja peraturan yang berpusat pada kemanusiaan, bukan sekadar kriteria utiliti atau kecekapan," tulis Kardinal Pietro Parolin, Setiausaha negara Vatikan, dalam mesej yang dihantar bagi pihak Bapa Suci.

Mesej tersebut dibaca dengan kuat oleh Uskup Agung Ettore Balestrero, wakil Vatikan kepada agensi-agensi PBB di Geneva, pada Sidang Kemuncak AI untuk Kebaikan 2025 yang diadakan pada Julai 8-11, di Geneva.

Sidang kemuncak yang dianjurkan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa dengan kerjasama kira-kira 40 agensi PBB dan kerajaan Switzerland, memberi tumpuan kepada "mengenal pasti aplikasi AI inovatif, membina kemahiran dan pawaian, serta memajukan kerjasama untuk menyelesaikan cabaran global."

"Manusia berada di persimpangan, menghadapi potensi besar yang dihasilkan oleh revolusi digital yang didorong oleh Kecerdasan Buatan," tulis Kardinal Parolin bagi pihak Sri Paus.

"Walaupun tanggungjawab untuk penggunaan etika sistem AI bermula dengan mereka yang membangunkan, mengurus dan menyelia mereka, mereka yang menggunakannya juga berkongsi



Sekumpulan penggodam pelajar semasa sesi penggodaman intensif di MISSION POSSIBLE Youth Social Hackathon Musim Kedua, di Pusat Latihan Pastoral Baan Phu Waan, Thailand, Julai 2025. (MISSION POSSIBLE / LICAS News)

dalam tanggungjawab ini," tulisnya.

"Mewakili Sri Paus Leo XIV, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan anda mencari kejelasan etika dan untuk menubuhkan tadbir urus AI yang terkoordinasi di peringkat tempatan dan global, berdasarkan pengiktirafan bersama terhadap martabat yang wujud dan kebebasan asas manusia," tulis Kardinal Parolin.

"Transformasi epik ini memerlukan tanggungjawab dan kebijaksanaan untuk memastikan bahawa AI dibangunkan dan digunakan untuk kebaikan bersama, membina jambatan dialog dan memupuk persaudaraan, serta memastikan ia melayani kepentingan kemanusiaan secara keseluruhan," tulisnya.

Apabila berkaitan dengan keupayaan AI yang semakin meningkat untuk menyesuaikan diri "secara autonomi," mesej itu berkata, "ialah penting untuk mempertimbangkan implikasi antropologi dan etika, nilai-nilai yang terlibat dan tanggungjawab serta rangka kerja peraturan yang diperlukan untuk

menegakkan nilai-nilai tersebut."

"Walaupun AI boleh mensimulasikan aspek-aspek pemikiran manusia dan melaksanakan tugas-tugas tertentu dengan kelajuan dan kecekapan yang luar biasa, ia tidak dapat meniru kebolehan moral atau kemampuan untuk membentuk hubungan yang tulus," kata mesej kepausan itu.

"Oleh sebab itu, pembangunan kemajuan teknologi sedemikian mesti seiring dengan penghormatan terhadap nilai-nilai kemanusiaan dan sosial, keupayaan untuk menilai dengan hati nurani yang jelas dan pertumbuhan tanggungjawab kemanusiaan."

Kardinal Parolin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada ahli-ahli dan kakitangan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa, yang sedang meraikan ulang tahun ke-160, "atas kerja dan usaha berterusan mereka untuk memupuk kerjasama global bagi membawa manfaat teknologi komunikasi kepada masyarakat di seluruh dunia."

**Media Vatikan**

## Bapa Suci hantar makanan kepada keluarga di Kharkiv, Ukraine

VATIKAN: Aktiviti untuk Sri Paus Leo mungkin perlahan semasa musim panas — tetapi tidak untuk usaha amalnya.

Tempoh rehat Sri Paus Leo XIV di Castel Gandolfo digunakan untuk inisiatif solidariti mangsa perang.

Melalui Dikasteri untuk Pelayanan Amal Kasih, juga dikenali sebagai Pejabat *Almoner* Keapausan, Sri Paus telah menghantar bantuan pek makanan kepada penduduk di Kharkiv, Ukraine, yang baru-baru ini dilanda serangan peluru berpandu dan dron berat.

"Bapa Suci meminta kami untuk melakukannya secepat mungkin," kata Kardinal Konrad Krajewski, *almoner* keapausan, kepada *Vatican*



*News*, mengenai perbualannya dengan Sri Paus tentang penghantaran bantuan tersebut.

"Derma tidak pernah bercuti!" tegas Kardinal.

Dalam beberapa hari kebelakangan ini, trak-trak yang dipenuhi dengan makanan dalam tin, bersama dengan minyak, pasta, daging, ikan, dan tuna, telah berlepas dari

Basilika Sta Sophia di Roma, yang sejak 2022 telah menjadi pusat solidariti dari seluruh bandar terhadap negara Eropah Timur yang menderita.

Termasuk dalam penghantaran tersebut ialah barangan keperluan asas, yang diagih-agihkan kepada penduduk desa Staryi Saltiv dan bandar Shevchenkove, kedua-duanya di wilayah Kharkiv.

Makanan tersebut disediakan oleh Ordo Ketenteraan Suci Konstantinian Sto George, sebuah organisasi yang mempromosikan inisiatif rohani, budaya, dan kebajikan mengikut prinsip Kristian di Itali dan di seluruh dunia.

Semua barang dihantar terus kepada keluarga yang terselamat daripada serangan.

Pada kotak-kotak putih, tulisan dalam bahasa Ukraine dan Itali berbunyi: "Hadiah daripada Paus Leo XIV untuk rakyat Kharkiv." **Media Vatikan**



# Menjaga orang lain adalah undang-undang tertinggi

ROMA: Mengabdikan hidup dengan menjaga orang lain adalah "undang-undang tertinggi" sebelum semua peraturan masyarakat, kata Paus Leo XIV.

"Mencontohi teladan Yesus, Juruselamat dunia, kita juga dipanggil untuk membawa penghiburan dan harapan, terutamanya kepada mereka yang sedang mengalami kekecewaan dan putus asa," katanya sebelum melafazkan doa Angelus bersama ribuan pengunjung yang berkumpul di dataran di hadapan vila musim panas kepausan di Castel Gandolfo pada Julai 13.

Sri Paus Leo tiba di bandar kecil di puncak bukit di selatan Roma pada Julai 6 untuk bercuti singkat sehingga Julai 20.

Prelatus itu merayakan Misa di Gereja Sto Thomas dari Villanova pada Julai 13.

Dalam renungannya sebelum doa, Sri Paus Leo bercakap tentang kerinduan manusia untuk kehidupan abadi, iaitu, "untuk keselamatan, untuk kewujudan yang bebas dari kegagalan, kejahatan dan kematian."

Kehidupan abadi adalah "bukan sesuatu yang boleh diperolehi dengan kekerasan, diminta dengan merayu atau dirundingkan," katanya. Ia adalah sesuatu yang dapat "diturunkan" oleh Tuhan sahaja, seperti yang dilakukan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka.

Itulah sebabnya Yesus memberitahu kita bahawa, untuk menerima hadiah Tuhan, kita mesti melakukan kehendak-Nya, iaitu untuk mengasihi "Tuhanmu dengan segenap hatimu" dan "jiranmu seperti dirimu sendiri."

"Untuk hidup selama-lamanya, kita tidak



perlu menipu kematian, tetapi melayani kehidupan, dengan menjaga orang lain semasa ada hayat dikandung badan," kata Bapa Suci Leo.

"Itulah undang-undang tertinggi yang mendahului semua peraturan masyarakat dan memberikan maknanya."

"Kehendak Tuhan adalah undang-undang kehidupan yang diikuti oleh Bapa sendiri, dengan mencintai kita tanpa syarat dalam Anak-Nya, Yesus," kata Sri Paus Leo.

Yesus "menunjukkan kepada kita makna cinta sejati kepada Tuhan dan kepada sesama," katanya.

"Ia adalah cinta yang murah hati, bukan bersifat memiliki; cinta yang memaafkan tanpa soal; cinta yang menghulurkan tangan dan tidak pernah meninggalkan orang lain."

"Dalam Kristus, Tuhan menjadikan diri-Nya sebagai saudara kepada setiap lelaki

dan wanita. Itulah sebabnya setiap daripada kita boleh dan harus menjadi saudara atau jiran kepada semua yang kita temui," katanya.

Dengan membuka hati kepada kehendak Tuhan, katanya, "kita akan menjadi agen dan pejuang keamanan setiap hari dalam hidup kita."

Setelah menyapa banyak kumpulan yang hadir di dataran, termasuk anggota komuniti pastoral *Blessed Augustine of Tarano* dari *Colegio S. Augustin* di Chiclayo, Peru, Sri Paus juga bersalaman dengan beberapa tetamu istimewa yang berada di tepi penghadang kayu antara pintu masuk vila dan dataran.

Ia adalah homili dan doa Angelus pertama di vila musim panas oleh Sri Paus Leo, yang kembali kepada tradisi Bapa Suci mengambil cuti musim panas di vila di Castel Gandolfo. **Media Vatikan**

## Jus rohani untuk jiwa

### Halangan terbesar untuk mencapai kedamaian kerana hati yang tertutup

**A**pabila kita menutup hati kita kepada Tuhan dan berpaling daripada-Nya, kita berpaling daripada kehangatan kasih sayang dan kebaikan-Nya yang ingin diberikan kepada kita.

Kita semua menginginkan kedamaian dalam jiwa kita, kedamaian yang menghalang kita daripada merasa cemas tentang banyak perkara yang berlaku dalam hidup kita.

Walaupun terdapat banyak sumber ketidaktenangan dalam jiwa seseorang, salah satu halangan terbesar adalah hati yang tertutup daripada Tuhan.

Ini merujuk kepada hati yang tidak terbuka dan tidak menerima suara Tuhan.

Sto Ambrose menulis tentang topik ini dalam sebuah eksposisi tentang Mazmur 118. Dia menerangkan betapa pentingnya mempunyai hati yang terbuka:

*Aku dan Bapa-Ku akan datang dan menjadikan rumah kami ruma bersama.*

*Biarkan pintu anda terbuka untuk menerima-Nya, buka jiwa anda untuk-Nya, tawarkan Dia sambutan dalam fikiran anda, dan kemudian anda akan melihat kekayaan kesederhanaan, harta kedamaian, kegembiraan rahmat. Buka luas-luas pintu hati anda, berdiri di hadapan matahari cahaya abadi yang bersinar pada setiap manusia.*

*Cahaya sejati ini bersinar untuk semua, tetapi jika sesiapa menutup tingkapnya, dia akan merampas dirinya daripada*

*cahaya abadi. Jika anda menutup pintu fikiran anda, anda menutup Kristus. Walaupun dia boleh masuk, Dia tidak mahu memaksa jalan masuk dengan kasar, atau memaksa kita untuk menerima-Nya tanpa kerelaan kita.*

Adalah penting untuk menyedari bahawa Tuhan tidak akan memaksa masuk ke dalam hidup kita. Dia menunggu dengan sabar agar kita menjawab undangannya.

Dia tidak akan menghantar serangan ketenteraan ke dalam hati kita. Sebaliknya, Dia akan menunggu kita untuk bersedia menerima pesan-Nya.

Namun, hati yang terbuka tidak sama dengan jumlah rosari yang kita doakan dalam sehari. Ia memerlukan sikap kerendahan hati dan penerimaan.

Kita boleh menghadiri Misa setiap hari sepanjang hayat kita dan masih terasing dari Tuhan.

Sto Ambrose menggesa kita untuk membuka pintu hati kita dengan luas:

*Jiwa kita mempunyai pintu; ia mempunyai gerbang. Angkatlah kepalamu, wahai pintu-pintu, dan angkatlah, wahai pintu-pintu abadi, dan Raja kemuliaan akan masuk. Jika anda membuka pintu iman anda, Raja kemuliaan akan memasuki rumah anda dalam perarakan kemenangan sebagai penghormatan kepada penderitaannya. Kesucian juga mempunyai pintunya. Kita membaca dalam Kitab Suci apa*



yang dikatakan oleh Tuhan Yesus melalui nabinya: Bukakan untukku pintu-pintu kesucian.

Tidak mudah untuk terbuka kepada Tuhan, kerana ia memerlukan kepercayaan kepada rencana belas kasih-Nya untuk kita. Kita mungkin tidak tahu ke mana Dia akan membawa kita, tetapi kita perlu percaya bahawa ia adalah untuk kebaikan kita. **Aleteia**

## PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

### Kejatuhan Gaza, kegagalan kemanusiaan!

**S**elepas 21 bulan serangan Israel di Gaza, agensi kemanusiaan memberi amaran tentang keruntuhan operasi yang akan berlaku.

Bantuan yang sedikit yang sedang dihantar kepada mereka yang tinggal di jalur Gaza berisiko berhenti sepenuhnya.

Sementara itu, jumlah kematian orang awam semakin meningkat. Beberapa minggu lalu, sekurang-kurangnya 95 rakyat Palestine terbunuh dalam serangan Israel, termasuk kanak-kanak yang sedang mengambil air dan pengunjung pasar di Bandar Gaza.

Agensi Bantuan dan Pekerjaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNRWA) telah mengesahkan kematian seorang lagi bayi yang kekurangan zat makanan, ketika lapan agensi PBB memberi isyarat bahawa tanpa bahan bakar, kerja menyelamatkan nyawa mereka mungkin akan terhenti tidak lama lagi.

Kementerian Kesihatan Gaza kini melaporkan lebih daripada 58,000 kematian dan 138,000 yang cedera sejak perang bermula pada Oktober 7, 2023.

Angka kematian yang tinggi dan semakin meningkat tidak mengejutkan, memandangkan tentera Israel telah memperhebatkan pengeboman mereka. Sehingga pagi Isnin, Julai 14, ia mendakwa lebih daripada 100 serangan udara baharu dalam tempoh 24 jam.

Operasi darat juga diteruskan di seluruh utara Gaza. Bantuan adalah terhad, dan percubaan untuk mengumpulkannya telah terbukti membawa maut selepas dua orang terbunuh berhampiran pusat bantuan di Rafah pada hari Julai 13, mangsa terbaru daripada ramai sejak Yayasan Kemanusiaan Gaza yang disokong oleh Amerika Syarikat dan Israel campur tangan selepas agensi lain diharamkan atau disekat daripada memasuki Jalur Gaza.

Komuniti antarabangsa menghadapi tekanan yang semakin meningkat untuk bertindak. Ketua UNRWA, Philippe Lazzarini, memberi amaran pada Julai 11, bahawa Gaza telah menjadi "kubur kanak-kanak dan orang yang kelaparan", menyifatkan sekatan bantuan sebagai "rancangan kejam untuk membunuh".

Kritikan antarabangsa juga semakin meningkat terhadap rancangan kontroversi Israel untuk membina "kota kemanusiaan" di Rafah.

Bekas Perdana Menteri Israel, Ehud Olmert telah mengutuk rancangan itu secara terbuka, menyebutnya sebagai satu bentuk pembersihan etnik. "Ia adalah sebuah kem tahanan," di mana kemasukan dipaksa dan keluarannya terhad — akan merampas kebebasan dan maruah rakyat Palestine di sebalik topeng penjagaan kemanusiaan.

Rancangan itu, tidak boleh diselaraskan dengan undang-undang antarabangsa atau maruah manusia.

Ini adalah hak-hak yang pernah dijanjikan oleh dunia untuk dilindungi - diperolehi dengan susah payah selepas pemerintahan kolonial, apartheid, dan dua perang dunia yang menghancurkan.

Namun, di Gaza hari ini, janji-janji itu terus dilanggar! **Francesca Merlo, Media Vatikan**

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Anda boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my)**

**atau WhatsApp: 011-26391498**



## Mesyuarat tahunan ERCFLL tumpu pelbagai isu keluarga

SANDAKAN: Komisi Serantau Episkopal ke-11 untuk Keluarga, Laity dan Kehidupan (ERCFLL) kali ke-11 telah mengadakan mesyuarat tahunan mereka baru-baru ini di Pusat Pastoral Diocesan, Sandakan pada Jun 15 hingga 18 lalu.

Seramai 38 orang perwakilan dari semua keuskupan Malaysia, Singapura dan Brunei menghadiri mesyuarat ini.

Mesyuarat dimulakan dengan majlis makan makan bersama. Ketua Keuskupan Sandakan, Uskup Julius Gitom turut hadir dan mengalu-alukan semua perwakilan yang hadir.

### Kita harus selalu mencari Tuhan

Pada hari kedua, presiden ERCFLL iaitu Uskup Agung John Wong, megucapkan terima kasih atas kehadiran semua perwakilan.

Katanya, "Kita berhimpun untuk mendengar satu sama lain, berkongsi pelbagai isu dan mencadangkan saranan setiap tahun sebagai proses yang sangat penting bagi Gereja Sinodal."

Tambahnya, "Kita sebagai Gereja perlu sentiasa mencari kehendak Tuhan pada masa sekarang dan masa depan demi kesejahteraan keluarga Kristian di tempat kita agar mereka dapat dibantu menemukan harapan dan kekuatan untuk menghadapi cabaran masa."

Untuk dua pagi berikutnya, para perwakilan bergilir-gilir berkongsi sorotan program keluarga dan aktiviti yang berlangsung di keuskupan masing-masing yang merangkumi tempoh Jun 2024 hingga Mei 2025.

### Perkahwinan sivil vs perkahwinan diberkati

Beberapa keuskupan melaporkan terdapat banyak kes di mana pasangan berkahwin secara sivil terlebih dahulu, dan kemudian



setelah beberapa tahun barulah mereka mencari untuk mendapatkan perkahwinan mereka diberkati oleh Gereja.

Salah satu sebab utama untuk ini adalah kerana mereka berada jauh dari negeri asal mereka dan terikat dengan komitmen kerja. Sejumlah besar migran dari luar negara juga mengalami situasi yang sama dan Gereja-gereja tempatan mengalami kesukaran untuk mendapatkan status liber migran-migran ini dari paroki asal mereka kerana kekurangan hubungan jaringan.

Dalam beberapa kes ini, pasangan yang berkahwin secara sivil sudah mempunyai anak dan mereka belum menerima Sakramen gereja.

Cabaran lain yang dihadapi apabila suami mempunyai lebih daripada satu isteri, sehingga menghadapi dilema apabila mencari restu Gereja.

Mesyuarat tersebut kemudian menekankan kepentingan jaringan dan bekerjasama dengan badan-badan lain seperti Komisi Pekerja Migran, peguam Canon, dan seba-

### Penurunan kadar perkahwinan

Menurut tinjauan, 80% orang bujang ingin berkahwin tetapi terhalang oleh faktor seperti kewangan, kerjaya dan kesukaran untuk mencari pasangan yang sesuai.

Kos sara hidup tinggi dalam kalangan orang bujang mereka tidak mahu berkahwin.

Terdapat juga kes di mana pasangan muda mengaku bahawa ibu bapa mereka memaksa mereka untuk berkahwin dan oleh itu mereka tidak bersedia untuk memasuki komitmen seumur hidup dengan pasangan mereka.

Ada kecenderungan dalam kalangan pasangan muda dari pelbagai kaum dan budaya yang bercadang untuk berkahwin tetapi tidak mahu mempunyai anak.

### Pertukaran agama tanpa pengetahuan ibu bapa

Dilaporkan bahawa pertukaran agama dalam kalangan pelajar yang belajar di tempat lain adalah berleluasa.

Oleh sebab itu, terdapat keperluan mendedak untuk meningkatkan kesedaran ini kepada ibu bapa mengenai kepentingan pemben-

tukan iman anak-anak mereka.

Mesyuarat juga mendapati banyak perkahwinan campuran tidak menghantar anak-anak mereka untuk pembentukan iman serta kecenderungan ramai pasangan muda meninggalkan anak-anak mereka di bawah jagaan datuk nenek kerana kerja.

Perbincangan juga melaporkan beberapa kemajuan yang telah dicapai: laluan katekumenal untuk kehidupan berumah tangga telah mula dilaksanakan, dengan fokus pada tiga tahun pertama perkahwinan.

Lebih banyak paroki telah menubuhkan Pelayanan Kehidupan Keluarga untuk menjalankan program dan aktiviti berasaskan keluarga dengan penglibatan aktif paderi.

Dalam ucapan penutupnya, Uskup Agung John berkata isu-isu keluarga adalah kompleks dan berbeza-beza, oleh itu pelayanan kehidupan keluarga adalah misi yang mulia serta menasihati para perwakilan agar tidak berputus asa jika tiada hasil, tetapi terus bergantung kepada Roh Kudus. Mesyuarat tahunan ERCFLL yang seterusnya pada tahun 2026 akan diadakan di Keuskupan Miri.

KOTA KINABALU: Seramai 225 peserta Kursus Evangelisasi Peribadi (KEP) kali keempat Sabah diraikan dalam Majlis Inaugurasi pada Julai 12, 2025, menandakan tamatnya tempoh pembentukan iman selama lebih sembilan bulan.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Ketua Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Uskup Agung John Wong.

Dalam ucapannya, prelatus itu berpesan agar para alumni KEP angkatan keempat terus melangkah dalam penginjilan kerana Tuhan pasti memiliki rencana bagi setiap peribadi yang dipilih-Nya.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Fr Patrick Erik Jerome iaitu Penasihat Rohani Kateketikal Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Fr Erik mengingatkan para peserta agar tidak malu untuk hidup sebagai Kristian sejati dan terus menjadi pewarta Injil, khususnya dalam kalangan umat Katolik.

Sr Dariah Ajap FSIC selaku Ketua Komisi Kateketikal Keuskupan Agung Kota Kinabalu juga merangkap Penyelaras Kursus KEP kali keempat Sabah, amat berterima kasih atas kehadiran Uskup Agung John dan atas sokongan yang padu beliau dan kepercayaan yang diberikan untuk meneruskan pelaksanaan KEP ini khasnya di Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

## KEP angkatan keempat Sabah lahirkan 225 penguinjil bertauliah



Religius itu juga turut memberikan kata-kata semangat kepada para peserta.

Kursus KEP kali keempat yang bermula pada Oktober 7, 2024 merupakan satu proses formasi iman yang sistematis dan menyeluruh.

KEP merangkumi kuliah mingguan selama tiga bulan, latihan praktikal kunjungan rumah, ujian penilaian, retreat pengutusan dan akhirnya Majlis Inaugurasi.

Sepanjang tempoh kursus, para peserta bukan sahaja didedahkan kepada pengajaran

iman Katolik secara mendalam, tetapi turut dibentuk untuk menjadi Pewarta Injil dalam komuniti masing-masing.

Menurut Pengerusi Kursus KEP 4, Anne Mahani Maliang, seramai 26 orang kru KEP telah terlibat sepenuhnya dalam aspek teknikal dan logistik sepanjang penganjuran kursus ini. Lebih membanggakan, seramai 114 alumni KEP dari angkatan-angkatan terdahulu tampil menyumbang tenaga dan masa sebagai fasilitator, mencerminkan semangat

kesetiaan dan komitmen tinggi terhadap misi evangelisasi di Sabah.

Berdasarkan hasil penilaian kursus, majoriti peserta mengakui bahawa pengalaman mengikuti KEP telah memperkukuh iman mereka secara mendalam. Modul-modul yang ditawarkan dianggap relevan dan berpaksikan ajaran rasmi Gereja Katolik, menjadikan pengalaman ini suatu perjalanan rohani yang bermakna dan menyentuh hati.

Ramai peserta turut berkongsi bagaimana KEP telah membantu mereka mengenali Yesus secara lebih peribadi, memperbaiki hubungan kekeluargaan serta mendorong keterlibatan aktif dalam pelayanan gereja.

Majlis penuh kesyukuran ini turut diserikan dengan nyanyian pujian, tayangan video perjalanan kursus, dan penyampaian sijil kepada para peserta.

Kursus Evangelisasi Peribadi (KEP) merupakan inisiatif rohani Katolik yang bertujuan melatih umat awam menjadi pewarta yang berani, rendah hati, dan penuh kasih dalam misi membawa Kristus kepada sesama.

Dengan berakhirnya angkatan keempat ini, KEP Sabah terus memperkukuh peranannya sebagai wadah penting dalam gerakan penginjilan di bumi Borneo, khususnya di Keuskupan Agung Kota Kinabalu. **Anne Mahani Maliang**